

B565

PARLIMEN--BUMIPUTERA

1980

KUALA LUMPUR 10 JUN (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ADALAH MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MEMBANTU DAN MEMAJUKAN RAKYAT BUMIPUTERA DI BIDANG EKONOMI DAN SOSIAL SEJAJAR DENGAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU TANPA MENGAMALKAN DISKRIMINASI KE ATAS KELOMPOK-KELOMPOK BUMIPUTERA.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MOHAMAD NAKHIE BIN HAJI AHMAD (PAS-BALING) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU MENAMBAH KERAJAAN SENTIASA MEMASTIKAN IAITU INDIVIDU ATAU UNTUK BERJAYA DI BIDANG PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN.

KATANYA, KRITERIA ITU LAH YANG SENTIASA DIGUNAKAN OLEH KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSINYA DALAM MEMBERI BANTUAN DAN KEMUDAHAN.

MENURUT BELIAU, BANTUAN DAN KEMUDAHAN ITU MUNGKIN TIDAK MEMCUKUPI BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN SEKIRANYA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KEUPAYAAN, DAYAUSAHA DAN KETEKUNAN. —BERSAMBUNG 1707/AN

B566

PARLIMEN--BUMIPUTERA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SOAL SIAPA MEMBERI SOKONGAN ATAU BANTUAN UNTUK APA JUGA MAKSUD ADALAH MASALAH PERBADI PERNIAGA DAN BUKAN SOAL KERAJAAN.

+JIKA BENAR BAHAWA CUMA PENYOKONG UMNO SAHAJA YANG MENDAPAT PELUANG KERJA HARI INI PARTI PEMBANGKAN AKAN BANGKRAP.

+TETAPI KITA TAHU DARI PEMBIAYAAN PARTI PEMBANGKANG DALAM PILIHANRAYA BAHAWA MEREKA LEBIH MEWAH DARI PARTI UMNO+

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARI WAN MOHAMAD NAJIB BIN WAN MOHAMAD (BN-PASIR PUTEH), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEMANG ADA PEMIMPIN PAS YANG PERNAH MEMINTA BANTUAN UNTUK BERGIAT DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERDAGANGAN. —BERNAMA 1709/AN